

NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kadar inflasi dan langkah-langkah yang diambil dengan berkesan untuk mencegahnya. Apakah keadaan harga barang di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Trend atau arah aliran inflasi yang diukur berdasarkan Indeks Harga Pengguna mendapati kadar purata inflasi tahun 2013 meningkat kepada 2.1% berbanding 1.6% pada tahun 2012. Manakala kadar inflasi bulan Januari 2014 berbanding bulan Januari 2013 telah merekodkan peningkatan kepada 3.4%.

Dalam membendung kadar inflasi negara, Kerajaan antara lain telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Penubuhan **Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat pada 15 Januari 2014.**
- ii. Melaksanakan **Kempen Penurunan Harga.**
- iii. Mengadakan **sesi engagement** dan **dialog** dengan **NGO Kepenggunaan.**
- iv. Melaksanakan **Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP)**
- v. Mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia atau **KR1M**
- vi. Menggalakkan penglibatan premis makanan untuk **Menu Rakyat 1 Malaysia** atau **MR1M.**
- vii. Mewujudkan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia atau **KKR1M**
- viii. Mewujudkan **Price Watch** di dalam Portal 1Malaysia Pengguna Bijak dan **menyebarluaskan penggunaannya dalam media massa**
- ix. Memperhebatkan aktiviti penguatkuasaan seperti **OPS HARGA 2014**

Analisa perubahan harga 40 jenis barang terpilih bagi bulan Januari 2014 berbanding Disember 2013 adalah seperti berikut:

- i. Di Semenanjung Malaysia, 23 barang mengalami peningkatan harga, 13 barang mengalami penurunan harga manakala 4 barang tidak mengalami sebarang perubahan harga;
- ii. Di Sabah, 24 barang mengalami peningkatan harga, 14 barang mengalami penurunan harga, 1 barang tidak

- mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 1 barang tidak dapat diperolehi;
- iii. Di Sarawak, 24 barang mengalami peningkatan harga, 14 barang mengalami penurunan harga, 1 barang tidak mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 1 barang tidak dapat diperolehi; dan
 - iv. Di Labuan, 10 barang mengalami peningkatan harga, 12 barang mengalami penurunan harga, 15 barang tidak mengalami sebarang perubahan harga manakala harga 3 barang tidak dapat diperolehi.